



بلما كيبيت ماس دفن كيبيت
Our Youth Our Future

BORANG PENCALONAN KATEGORI BELIA CEMERLANG (BC)

***SILA BACA DENGAN TELITI DAN MENGIKUT ARAHAN YANG DIBERIKAN.**

***JIKA TIDAK LENGKAP PERMOHONAN AKAN DITOLAK.**

KETERANGAN KATEGORI ANUGERAH BELIA CEMERLANG

Anugerah Belia Cemerlang merupakan pengiktirafan dan penghargaan yang diberikan kepada seorang belia yang telah memberikan sumbangan jasa yang cemerlang dalam apa jua bidang diceburi atau memperlihatkan usaha-usaha yang membawa hasil membanggakan dan mengharumkan nama negara. Pencapaian yang cemerlang diperolehi di peringkat antarabangsa merupakan satu keutamaan selain di peringkat serantau dan kebangsaan pula adalah satu kelebihan dalam pelbagai bidang sama ada keugamaan, kesukanan, pendidikan, keusahawanan, Sains, teknologi, kebudayaan, kesenian dan sebagainya.

SYARAT-SYARAT LAYAK PENCALONAN

1. **Pencalonan adalah terbuka kepada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau Penduduk Tetap, lelaki atau perempuan terdiri daripada belia perseorangan atau belia-belia yang terlibat dalam mana-mana Organisasi atau Pergerakan atau Persatuan atau Agensi yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.**
2. Hendaklah **dicalonkan oleh mana-mana pergerakan atau organisasi atau agensi atau persatuan atau pihak pengajur atau pihak-pihak berkenaan yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.**
3. **Surat Sokongan Pengesahan Calon daripada mana-mana pihak atau individu yang mencalonkan sebagai pengesahan mengenai apa-apa yang berkaitan dengan Calon adalah dimestikan.**
4. **Umur Calon adalah mengikut takrif belia antara 15 hingga 35 tahun sepertimana yang terkandung di dalam Dasar Belia Negara dan Strategi 2020 – 2035 (Tidak lebih daripada 35 tahun pada 01 Ogos 2021).**
5. **Belum pernah menerima Anugerah Hari Belia Kebangsaan bagi kategori yang sama.**
6. **Borang pencalonan yang telah disediakan oleh pihak pengajur boleh di dapat melalui portal **YSNet (ysnet.gov.bn)** dan tatacara memohon juga boleh diperolehi melalui laman sesawang Hari Belia Kebangsaan (www.hbk.gov.bn).**

7. Setiap calon dikehendaki mengisikan borang yang disediakan dengan lengkap dan menyertakan dokumen yang dikehendaki. Borang pencalonan yang tidak lengkap dan tidak mengikut syarat-syarat akan ditolak.
8. Pencalonan akan dibukakan bermula pada hari Isnin, 3 Mei 2021 dan tarikh tutup pencalonan pada hari Selasa, 1 Jun 2021 jam 4.00 petang.
9. Jawatankuasa Panel Penilai Anugerah Hari Belia Kebangsaan berhak menolak sebarang pencalonan tanpa perlu memberikan sebarang penjelasan.

ARAHAN AM / MAKLUMAN

1. Untuk masuk ke portal **YSNet**, hendaklah menggunakan akaun *e-Darussalam*.
2. Calon atau yang mencalonkan (bagi yang belum mendaftar atau akaun tidak aktif atau lupa kata laluan akaun *e-darussalam*), hendaklah membuat pendaftaran terlebih dahulu dan membuat pengaktifan melalui aplikasi *whatapps e-darussalam* ke talian +673 8333123.
3. Calon atau yang mencalonkan dinasihatkan untuk menyediakan terlebih dahulu dokumen-dokumen yang berkenaan untuk dihadapkan melalui Portal dalam bentuk *softcopy* berbentuk format PDF.
4. Tatacara mendaftar untuk menyertai pencalonan kategori-kategori Anugerah melalui **portal YSNet** adalah dengan memilih dan klik pada **Program - Memohon Program**, kemudian pilih nama anugerah yang hendak dipohon dan klik '**Daftar**'.
5. Selepas melakukan proses a) hingga d), calon atau yang mencalonkan dikehendaki memuat naik dokumen-dokumen berkaitan/ lengkap yang telah disediakan dan klik '**Daftar Sekarang**'.
6. **Dokumen-dokumen yang perlu di muatnaik adalah seperti berikut:-**
 - i. Salinan Kad Pengenalan Pintar Calon (depan dan belakang);
 - ii. Gambar calon yang terkini untuk kegunaan media (Sila gunakan resolusi berkualiti tinggi).
 - iii. Laporan lengkap dan gambar-gambar pengendalian/ kegiatan aktiviti-aktiviti Calon (akan digunakan sebagai sokongan semasa penilaian).
 - iv. Calon dikehendaki menyenaraikan lima teratas (*top 5*) sahaja pencapaian yang tertinggi diperolehi yang dicapai disamping juga menyertakan senarai pencapaian yang lain.
 - v. Calon hendaklah menyenaraikan penglibatan-penglibatan yang disertai samaada terlibat secara langsung atau tidak langsung ataupun sebagai peserta sahaja.
 - vi. Salinan sijil kerakyatan (jika ada).
 - vii. Dokumen pencapaian Calon seperti salinan sijil-sijil dll (jika ada).
 - viii. Dokumen-dokumen lain berkaitan dengan Calon (jika ada).
7. Sila gunakan **Subjek E-mel** seperti berikut (semasa menghantar dokumen-dokumen berkenaan):- **Kod Kategori Anugerah Diikuti [no. Kad Pengenalan Pintar Calon]**
Contoh: PCUB [00-000000] / PMB [00-000000] / BC [00-000000] / BB [00000000].

8. Pemohon (calon) dikehendaki menyediakan Pembentangan mengenai pencapaian/ sumbangan/ *successful story* Calon. (*Menggunakan MS Powerpoint atau Video atau yang sebanding denganannya*).

KRITERIA PENILAIAN

1. Mendapat pengiktirafan dan pencapaian tinggi serta mengharumkan nama Negara dalam bidang diceburi dan membawa faedah di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa.
2. Kreatif dan inovatif - mempunyai kemampuan berfikir ataupun bertindak dari sudut pandangan yang berbeza di samping mempunyai kemampuan untuk menghasilkan karya/ciptaan baru (bertahan dalam apa jua keadaan sekalipun sebagai contoh krisis Pandemik Covid-19).
3. Berkesan atau efektif - impak pencapaian calon yang membawaikan hasil yang berguna, menepati kehendak dan dihargai serta menjadi ilham (*inspired*) kepada generasi muda khususnya.
4. Mempunyai motivasi diri yang tinggi, berkeupayaan dan berkemampuan membuat yang terbaik untuk meningkatkan kemajuan dan mencapai kejayaan secara berterusan dengan sikap 'berjarih', 'berkariih' dan 'belurih' (*self development*).
5. Berkemampuan untuk membuat perubahan dan menyumbang kepada kemajuan masyarakat.
6. Berkeupayaan dalam menyumbang pencapaian matlamat-matlamat Dasar Belia Negara dan Strategi 2020 – 2035.
7. Mempunyai hubungan silaturrahim yang rapat dengan masyarakat sekeliling dalam apa jua keadaan dan situasi dihadapi dari masa ke semasa.
8. Mengelarkan nilai-nilai terkandung di dalam konsep Melayu Islam Beraja.